

## **PRESS STATEMENT**

**Embargo: Please do not use before 1.00 p.m 22 February 2014 Saturday.**

-----

Kenyataan Akhbar Mamangkis Nabawan

Kami berkumpul di Nabawan hari ini dengan hati yang penuh bersyukur. Sesungguhnya Tuhan sangat baik kepada kita. Tuhan Allahlah yang membawa umat-Nya bersama untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh pelampau politik Islam.

Walaupun gerakan Mamangkis yang diterajui oleh Perpaduan Anak Negeri (PAN) Sabah hanya berumur empat bulan, kita sudah dapat melihat kesatuan di kalangan umat-umat Kristian yang belum pernah kita lihat sebelum ini. Kesatuan yang baru di dalam tubuh Kristus ini bukan sahaja dilihat di dalam satu-satu denominasi tertentu tetapi juga di kalangan berbagai-bagai denominasi. Oleh itu, adalah tidak salah jika dikatakan bukan sahaja ada kesatuan di dalam kepelbagaian di kalangan gereja-gereja tetapi juga kesatuan apabila berhadapan dengan serangan musuh. Kami memberikan segala kemuliaan kepada Tuhan yang mengaruniakan kami kesatuan ini.

Mamangkis bermula di Penampang sejurus selepas Krismas baru-baru ini. Rev Datuk Jerry Dusing, Presiden SIB Sabah telah merasmikan acara itu. Bulan lalu di Ranau, Bishop Melter Tais , Assistant Bishop, Diosis Anglican Sabah yang merasmikan Mamangkis di sana. Dan pada hari ini, saya sangat bersyukur kerana diberikan penghargaan ini di Mamangkis Nabawan. Saya sangat bersukacita sekiranya dapat bersama dengan kita semua pada hari ini tetapi kerana ada temu janji yang telah dijadualkan terlebih dahulu, maka saya tidak dapat hadir bersama. Tetapi percayalah, saya ada bersama-sama dengan kita semua di dalam roh dan teman sekerja saya Rev. Ronnie Luni yang akan mewakili saya. Ini dengan sendirinya mencerminkan perpaduan kita sebagai saudara seiman di dalam Kristus.

Kesatuan di antara jemaah denominasi SIB, Anglican dan Roman Katolik sehingga kini adalah alasan terbaik untuk kita mengisytiharkan Mamangkis sebagai laungan kemenangan kita hari ini.

Ia adalah doa dan harapan kami pada bulan-bulan yang akan datang ini dimana Mamangkis bergerak dari satu bandar ke satu bandar dan dari satu kampung ke satu kampung, gerakan Roh Tuhan yang menyatukan Gereja Yesus Kristus akan semakin cepat berkembang dan lebih banyak lagi denominasi-denominasi yang akan menyertai kita dan berganding bahu demi Injil Yesus Kristus.

Saudara dan saudari seiman, ketika kita mengisytihatkan kebaikan Tuhan kepada kita, jangan pula kita menjadi leka. Musuh bukan sahaja di depan pintu kita, ia juga telah menyelinap masuk di kalangan kita. Musuh yang dimaksudkan di sini bukanlah saudara-saudara dan saudari-saudari yang beragama Islam yang telah lama hidup bersama-sama dengan kita dengan rukun sebagai jiran sejak turun temurun. Ini adalah sesuai dengan ajaran berbagai agama untuk mengasihi jiran-jiran kita. Sesungguhnya kita harus terus

mengasihi antara satu sama lain walaupun diancam oleh pelampau politik Islam yang cuba meracuni rasa hormat yang telah kita jalin antara satu sama yang lain.

Baru-baru ini, kita telah mendengar berita yang sedih tentang pengislaman di kalangan orang-orang kita melalui cara penipuan dan pemberian ganjaran di Pitas yang terletak di bawah kawasan Parlimen Marudu. Ia adalah jelas bahawa unsur-unsur pelampau politik Islam mensasarkan daerah-daerah yang termiskin di Sabah untuk menjalankan rancangan mereka.

Di sini baru-baru ini, di kawasan Parlimen Pensiangan sekali lagi kita menerima berita bahawa beberapa perkampungan orang-orang Kristian secara sistematik telah diislamkan dengan cara-cara yang meragukan.

Pemimpin politik yang telah dipilih, walaupun adalah Anak Negeri dan orang-orang Kristian, setakat ini hanya mendiamkan diri seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku.

Sejarah mengajar kita bahawa pada 1 Ogos 1972, Ketua Menteri Sabah pada ketika itu, Tun Mustapha Harun telah mengisytiharkan polisi penyatuan di bawah Kerajaan USNO iaitu “satu bahasa, satu budaya, satu agama” di Kota Kinabalu di hadapan Perdana Menteri pada ketika itu Tunku Abdul Rahman dan timbalan-nya Tun Razak Hussein.

Tahun yang berikutnya pada 27 Sep 1973, perlembagaan Negeri Sabah telah dipinda untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi Sabah.

Ia adalah satu pencabulan yang jelas keatas perjanjian 20 Perkara yang telah Sabah minta sebelum bersetuju untuk bersekutu dengan Malaya, Sarawak dan Singapura untuk membentuk Malaysia. Perkara yang pertama ialah kebebasan beragama yang menyeluruh di Sabah. Kita hanya bersetuju bahawa Islam adalah agama rasmi untuk Persekutuan dan bukan untuk Sabah dan bahawa Malaysia akan menjadi sebuah Negara secular.

Pada hari ini, 42 tahun selepas polisi “satu bahasa, satu budaya, satu agama”, Anak-Anak Negeri telah menjadi perantau dan pendatang yang lebih teruk daripada rakyat kelas kedua di tanah kita sendiri. Ini adalah sejarah kita, sejarah tentang penduduknya yang dikhianati. Kalau kita lupa sejarah kita, itu seperti kita kehilangan destini kita sebagai orang yang telah dipanggil oleh Tuhan untuk kemuliaan-Nya.

Saudara dan saudari dalam Kristus, mari kita nyatakan dengan jelas. Kita berkumpul di sini bukan untuk mengapi-apikan rasa benci ataupun rasa tidak mengasihi kerajaan dan juga Islam.

Kita berada di sini untuk melaungkan mamangkis dan menyatukan orang-orang kita untuk mempertahankan diri kita daripada pencerobohan keatas kepercayaan kita. Kita bukan membuat tuntutan baru. Kita hanya meminta supaya orang lain menghormati hak kita yang sudah terkandung di dalam perlembagaan dan hak kita sebagai seorang manusia untuk mengamalkan kepercayaan kita dengan penuh.

Mamangkis adalah sebahagian daripada warisan kebudayaan kita, identiti kita sebagai orang asal Sabah. Pada zaman dahulu, ia dikaitkan dengan amalan pagan dan pemancungan kepala. Tetapi pada hari ini Mamangkis dilakukan dalam konteks warisan kekristianan kita.

Alkitab menjanjikan kepada kita bahawa pada akhirnya perlawanan itu adalah kepunyaan Tuhan dan kita yakin bahawa Dia sendiri yang akan mendengar doa kita. Kita akan menang di dalam Tuhan. Kita akan menaikkan suara kita sekali lagi di dalam lagu kemenangan, satu lagu mamangkis yang penuh dengan sukacita.

Hari ini, di Nabawan, seperti apa yang telah kita lakukan di Ranau dan Penampang, kita akan mendirikan satu batu peringatan dan mendedikasinya kepada Tuhan dan mengasingkan diri kita kepada Dia dan hanya Dia sahaja.

Alkitab memberitahu kita: “dan umat-Ku, yang atasnya nama-Ku disebut, merendahkan diri, berdoa dan mencari wajah-Ku, lalu berbalik dari jalan-jalannya yang jahat, maka Aku akan mendengar dari sorga dan mengampuni dosa mereka, serta memulihkan negeri mereka.” (2 Tawarikh 7:14)

Alkitab juga memberitahu kita apabila Tuhan dan Juruselamat kita Yesus, Anak Tuhan, kembali sekali lagi: “Lalu aku mendengar suara yang nyaring dari takhta itu berkata: "Lihatlah, kemah Allah ada di tengah-tengah manusia dan Ia akan diam bersama-sama dengan mereka. Mereka akan menjadi umat-Nya dan Ia akan menjadi Allah mereka. Dan Ia akan menghapus segala air mata dari mata mereka, dan maut tidak akan ada lagi; tidak akan ada lagi perkabungan, atau ratap tangis, atau dukacita, sebab segala sesuatu yang lama itu telah berlalu." (Why 21:3-4).

Ini adalah harapan kita, inilah penebusan kita. Inilah Injil Yesus Kristus. Inilah mamangkis kita; perjanjian kita dengan satu-satunya Tuhan yang benar bahawa kita akan berbalik dari jalan-jalan kita yang salah dengan berkat janji bahawa Kristus setia dan adil dan akan mengampuni dosa-dosa kita. Kita akan menjadi umat-Nya dan tidak akan menyembah tuhan-tuhan lain yang ada disekeliling kita.

Mari kita mencari berkat yang daripada Tuhan. Mari kita berikan segala pujian dan kemuliaan kepada Dia. Mari kita Mamangkis. Amen.

Dirasmikan oleh Datuk Bishop Cornelius Piong.

*Kenyataan Akhbar ini dikeluarkan oleh Perpaduan Anak Negeri (PAN) Sabah sempena perayaan “Mamangkis” yang diadakan di Gereja SIB Salarom Taka, Nabawan, Sabah. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi ahli Komite PAN George Mikil 0138608285*